

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL [PENDANG]
TARIKH : 19.6.2014
SOALAN :

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian sedar bahawa berlaku perebutan pangkat dan jawatan di Universiti Sultan Idris, Tanjung Malim sehingga menimbulkan perpecahan di kalangan mereka. Kalau benar, apakah langkah Kementerian menyelesaikan masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak menerima sebarang aduan mengenai perebutan pangkat dan jawatan dari mana-mana pihak di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Pihak KPM juga tidak jelas mengenai maklumat pangkat dan jawatan yang dikatakan menjadi perebutan dalam kalangan warga kerja UPSI.

Sekiranya perebutan jawatan tersebut melibatkan jawatan Naib Canselor yang akan tamat tempoh pada 31 Ogos 2014, KPM telah mengadakan proses penilaian prestasi Naib Canselor dan temu bual jawatan Naib Canselor pada bulan April 2014. Laporan penilaian tersebut telah diserahkan kepada YAB Menteri Pendidikan untuk pertimbangan dan keputusan beliau selaras dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 4A dan 9(1) Jadual Pertama, Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU1971) pindaan 2012.